



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

## Sheik ke Jerman untuk pertebal ilmu silat

Berita Harian, 20 March 1996, Page 10

Article also available on Microfilm Reel NL20843

Printer-Friendly Page

# Sheik ke Jerman untuk pertebal ilmu silat

Berlatih di bawah bimbingan guru asal Indonesia, Uwe Uhlmann

**SILAT Oleh MOHD SANI ALI**

**JUARA silat dunia, Sheik Alauddin Yaacob, telah berlepas ke Jerman dengan azam untuk "mempertebalkan" ilmu persilatannya.**

Matlamat utamanya apabila berada di Jerman nanti ialah meninjau secara lebih dekat lagi kaedah latihan seni pertahanan diri yang dilalui oleh ahli sukan Eropah.

"Ini merupakan saat paling baik buat saya bukan sahaja berpeluang mengikuti latihan malah menimba pengalaman secara langsung mengenai kaedah latihan di sana," luah Sheik sebelum berangkat ke Eropah minggu lalu.

Menjelaskan lebih lanjut lagi mengenai latihan yang bakal dilaluinya semasa berada di Jerman itu kelak, Sheik menyatakan bahawa beliau akan memberikan tumpuan khusus kepada kaedah latihan secara fizikal.

"Seperti yang kita semua ketahui, latihan fizikal ini mempunyai pelbagai bentuk.

"Dalam seni pertahanan diri ini sering terdapat kaedah latihan yang terbaru yang belum pernah lagi kami, sebagai ahli silat, mempelajarinya," tambah beliau lagi.

Pemenang pingat emas temasya Sukan SEA di Chiangmai, selatan Thailand, pada Disember lalu itu juga memberitahu bahawa sekiranya mempunyai kesempatan semasa berada di sana, beliau juga akan berusaha cuba meningkatkan lagi pengetahuanya dalam bidang *kick-boxing*, yang memang digemarinya.

"Jika ditinjau dari pertarungan silat masa kini, ramai pesilat menggunakan teknik menendang.

"Oleh itu, ada baiknya jika kita dapat memperbaiki latihan yang lebih berkesan dari jurulatih yang mahir dalam bidang tersebut," kata Sheik.

Menjawab tentang tanggapan bahawa latihan beliau di Eropah itu pasti akan memberi peluang kepada peserta dari sana untuk meninjau taraf keupayaannya apabila tampil di kejohanan dunia nanti, Sheik menjelaskan:

"Ramai pesilat di Eropah adalah ahli profesional. Maka tidak berpeluang menyertai kejohanan silat dunia nanti.

"Secara peribadi, lebih baik bagi saya mempersiapkan diri saya dengan menjalani latihan keras mulai dari sekarang sebaik-baik saya mengetahui tentang kekurangan

dan kelebihan yang ada pada diri saya dan pada para pesilat lain di Eropah nanti."

Sheik, yang kini meningkat usia 29 tahun, yang bertugas sebagai instruktur latihan fizikal dengan kelab Leimbaga Perumahan dan Pembangunan (HDB), mengakui secara terus terang bahawa tahap ketahanan para pesilat Eropah adalah tinggi belaka.

"Buat ketika ini sukar bagi saya meramalkan apakah pe-

luang saya untuk memperbaikan kejuaraan yang saya menangi dua tahun yang lalu di Thailand itu.


"Bagaimanapun, adalah menjadi azam saya yang utama untuk berusana terus meningkatkan lagi latihan dan persiapan sekembali dari Jerman nanti," kata Sheik.

Beliau dijadualkan akan pulang ke tanah air pada pertengahan April depan.

Beliau akan berlatih di bawah bimbingan Uwe Ulmann, guru silat yang berasal dari Indonesia, yang kini menetap dan membuka pusat latihan silat di Jerman.

Di samping itu, Sheik juga akan menerima bantuan latihan dari Andre Mewis, bekas juara dunia, yang kini merupakan ahli seni pertahanan diri profesional.

Mewis juga merupakan bekas anak murid Uwe.



SHEIK ALAUDDIN: Mahu lihat dengan lebih dekat kaedah latihan seni pertahanan diri yang dilakukan para atlit Eropah.